

#### **UOB TERMA DAN SYARAT PROGRAM BAKI PENGURANGAN PEMINDAHAN BAKI**

Terma dan syarat di sini akan diguna pakai untuk Program Baki Pengurangan Pemindahan Baki ("Program") United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) dan mesti dibaca bersama dengan Perjanjian Kad Kredit Visa / MasterCard UOB ("Perjanjian Ahli Kad"). Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksejajaran di antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan dikekalkan dan diguna pakai untuk Program. Melainkan terdapat percanggahan maksud untuk perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di sini akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Perjanjian Ahli Kad.

1. Program adalah dibuka kepada semua Ahli Kad Kredit UOBM prinsipal yang baru dan sedia ada ("Ahli Kad") yang juga merupakan Ahli Kad prinsipal Kad Kredit atau Caj yang dikeluarkan oleh institusi kewangan Malaysia yang lain yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau syarikat Kad Kredit dan Caj yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan Kad Kredit dan Caj ("Penerbit Kad yang lain").
2. Ahli Kad boleh memohon untuk memindah baki tertunggak dari Akaun Kad Kredit/Caj yang dipegang dengan Penerbit Kad yang lain kepada mana-mana Akaun Kad Kredit UOBM yang dipegang atas nama mereka tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini ("Permohonan").
3. Ahli Kad boleh menghantar lebih dari satu (1) Permohonan and kelulusan Permohonan adalah tertakluk kepada baki had kredit dan UOBM berhak untuk meluluskan atau menolak mana-mana Permohonan.
4. UOBM berhak untuk meluluskan atau menolak Permohonan yang diserahkan tanpa memberi sebarang sebab serta menentukan baki tertunggak yang dibenarkan untuk dipindah atas budi bicara mutlakanya.
5. Kelulusan Permohonan adalah tertakluk kepada terma dan syarat selanjutnya yang mungkin dikemukakan oleh UOBM atas budi bicara mutlakanya pada masa akan datang dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
6. Akaun Kad Kredit UOBM mesti terkini dan berada dalam kedudukan yang baik dengan baki had kredit yang mencukupi untuk membolehkan pelaksanaan amaun pemindahan yang diluluskan berjaya.
7. Ahli Kad boleh memindah baki sehingga 80% dari had kredit dari Akaun Kad Kredit UOBM atau sehingga 100% dari baki had kredit asalkan pemindahan baki bawah Program ini tidak melebihi had kredit yang telah ditetapkan. Pemindahan baki adalah tertakluk kepada amaun minimum RM1,000 untuk satu Permohonan bagi setiap Ahli Kad untuk semua Akaun Kad Kredit UOBM yang dimiliki Ahli Kad. UOBM berhak untuk menukar amaun kadar minimum dan/atau maksimum pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya dengan mengeluarkan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

8. Selepas Permohonan di bawah Program ini diluluskan dan Akaun Kad Kredit UOBM Ahli Kad telah didebitkan sewajarnya dengan baki tertunggak, baki tertunggak atau mana-mana bahagian daripada itu akan tertakluk pada satu Kadar Faedah Khas bagi keseluruhan Terma Kadar Faedah Khas.

9. Sebaik sahaja amaun baki tertunggak yang hendak dipindahkan (“Amaun Pemindahan Baki”) telah diluluskan, amaun sepadan akan diperuntukkan dalam had kredit Ahli Kad untuk tujuan ini dan baki had kredit akan dikurangkan sewajarnya. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang atas sebab had kredit yang tidak mencukupi yang timbul disebabkan pengurangan baki had kredit untuk tujuan pemindahan baki tertunggak.

10. Dalam situasi di mana Akaun Kad Kredit UOBM yang berkaitan dengan Program ini belum diaktifkan oleh Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju dan memberi kebenaran kepada UOBM untuk mendebitkan Akaun Kad Kredit UOBM dengan baki tertunggak yang dipindahkan.

11. Baki yang telah dipindah akan dibilkan kepada Ahli Kad pada tarikh penyata yang berikutnya mengikut tarikh pemindahan dan perlu dibayar selaras dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad.

12. Untuk Program khas (Pelan 1, 2 dan 3 atau mana-mana pelan lain yang bakal dikeluarkan oleh UOBM dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya), Amaun Pemindahan Baki akan dianggap sebagai baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit UOBM yang dinyatakan untuk tujuan Pemindahan Baki. Oleh itu, mana-mana urusniaga runcit seterusnya yang dibilkan di bawah Akaun Kad Kredit UOBM tersebut akan dikenakan Caj Kewangan sepertimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad, dari tarikh transaksi sehingga tarikh penerimaan bayaran penuh untuk baki tertunggak Akaun Kad Kredit tersebut.

13. Semasa menunggu kelulusan Permohonan di bawah Program ini, Ahli Kad akan terus bertanggungjawab untuk membuat pembayaran pada Akaun Kad Kredit lain mereka selaras dengan terma mentadbirkan yang sama. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang faedah atau caj lain yang ditanggung oleh Ahli Kad disebabkan kelambatan atau kegagalan pihak UOBM dalam membuat pembayaran kepada Akaun Kad Kredit yang lain.

14. Semasa tempoh Program, Ahli Kad perlu membuat pembayaran minimum Lima peratus (5%) sebulan atau Lima Puluh Ringgit Malaysia (RM50) (amaun sewajarnya dibayar bulanan), yang mana lebih tinggi, pada atausebelum Tarikh Perlu Membuat Pembayaran seperti mana yang ditentukan dalam Akaun Penyata selaras dengan terma Perjanjian Ahli Kad.

15. Kadar Faedah Khas ini tertakluk kepada sebarang penukaran atau pemindaan oleh UOBM atas budi bicara mutlaknya dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad. Penukaran dan pemindaan tersebut tidak akan memberi kesan

terhadap Permohonan yang telah diluluskan atau baki amaun yang telah dipindahkan di bawah Program ini sebelum pindaan dibuat.

16. Untuk mengelakkan keraguan, Kadar Faedah Khas dan Terma sepadan dengannya hanya akan digunakan pada baki tertunggak atau mana-mana bahagian daripada itu yang dipindahkan di bawah Program ini.

17. Selepas penamatan tempoh Terma Kadar Faedah Khas, amaun baki tertunggak adalah tertakluk kepada caj kewangan lazim iaitu Satu Perpuluhan Lima peratus (1.5%) sebulan atau Lapan Belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah terkawal lazim akan dikuatkuasakan sehingga tarikh pembayaran penuh.

18. Fi Penyelesaian Awal sebanyak RM100 akan dicaj dengan serta-merta jika salah satu atau kombinasi yang berikut berlaku:

- i. Ahli Kad menamatkan atau menghentikan Pelan Pemindahan Baki dengan membuat pembayaran penuh dalam lingkungan tempoh Terma Kadar Faedah Khas.
- ii. Ahli Kad membatalkan Akaun Kad Kredit UOBM beliau;
- iii. UOBM menamatkan atau menutup Akaun Kad Kredit UOBM Ahli mengikut penjanjian Ahli Kad.

19. Apabila penutupan Akaun Kad Kredit selaras dengan Perjanjian Ahli Kad, Program ini akan dibatalkan dengan serta-merta dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk menyelesaikan baki tertunggak dan caj yuran yang dikenakan oleh UOBM di bawah Program ini sepenuhnya.

20. Ahli Kad menanggung liabiliti bayaran untuk cukai atau levi pada tarikh kelulusan permohonan Ahli Kad untuk Program atau pada bila-bila tarikh selepas tarikh kelulusan permohonan Ahli Kad untuk Program, yang diwajibkan di sisi undang-undang (yang dibayar kepada mana-mana perbadanan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atas UOBM, berkenaan dengan yuran dan caj yang dicajkan atau dikenakan oleh UOBM berkenaan dengan Program yang diberikan kepada Ahli Kad.

21. Apabila permohonan Ahli Kad UOBM diluluskan di bawah Program ini, ia akan dianggap bahawa anda telah bersetuju untuk menamatkan perkhidmatan Auto-Apportionment Payment (AAP) untuk akaun Pemindahan Baki. Jika ahli kad ingin mengekalkan AAP, sila hubungi pusat panggilan kami (nombor telefon pusat panggilan) untuk bantuan lanjut.

22. Ahli Kad memberi kebenaran dan bersetuju bahawa cukai atau levi yang dikenakan oleh UOBM berkenaan Program yang diberi oleh UOBM kepada Ahli Kad, akan ditanggung oleh Ahli Kad dan dicajkan kepada Ahli Kad dan jika UOBM membuat bayaran bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada UOBM untuk amaun yang telah dibayar dan UOBM berhak mengkreditkan cukai, duti dan levi ke dalam Akaun Kad Kredit.

23. Tambahan pula, jika salah satu atau lebih daripada peristiwa berikut berlaku:

- i. Pelanggaran sebarang terma dan syarat ini;
- ii. Suatu peristiwa keingkaran di bawah penurutan Perjanjian Ahli Kad;
- iii. Kelewatan atau kegagalan untuk membayar sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Program ini;
- iv. Kegagalan untuk membayar sebarang wang pada tarikh akhir pembayaran atau pelepasan sebarang tanggungjawab atau liabiliti yang patut dibayar oleh Ahli Kad dari semasa ke semasa kepada UOBM di bawah sebarang Perjanjian dengan UOBM atau di bawah sebarang kemudahan perbankan/kredit;

Jumlah tertunggak di bawah Program perlu dibayar dengan serta-merta dan akan menanggung faedah pada Lapan Belas peratus (18%) setahun dan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian Ahli Kad. Keingkaran tersebut akan memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad dan selepas itu menggabungkan semua amaun tertunggak ke dalam Akaun Kad prinsipal.

24. Ganjaran UNIRinggit atau Rebat Smart\$ tidak akan diberikan di bawah Program ini.

25. Notis terlebih dahulu akan dikeluarkan kepada Ahli Kad sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap caj dan fi oleh UOBM pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya.

26. UOBM tidak akan dipertanggungjawabkan atau menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk yang timbul atau dialami oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung akibat penyertaan Ahli Kad dalam Program ini.

27. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung, menamat atau mengubah terma dan syarat ini pada bila-bila masa tertakluk atas budi bicara mutlakanya dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

28. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah undang-undang Malaysia.